

# Tindakan tegas penyebar berita palsu, fitnah: PM

m/d: 2

BH - 30/11/2020

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang menyebarkan berita palsu serta fitnah berhubung coronavirus 2019-nCoV.

Kerajaan, menurut Perdana Menteri tidak akan bertolerenasi terhadap penyebaran berita palsu, penipuan maklumat dan fitnah yang menyebabkan kekecohan rentetan penularan virus berkeunaan.

“Kita akan mengambil tindakan kepada mereka yang menakutkan rakyat Malaysia dan mencetuskan perasaan benci antara kaum di negara ini.

“Kita percaya kepada kebebasan bersuara tetapi tidak bermakna mereka boleh berbuat sesuka hati,” katanya pada sidang media khas, semalam.

Terdahulu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan membuka lima kertas siasatan berhubung penyebaran khabar angin dan berita tidak sahih mengenai penularan coronavirus menerusi media sosial.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata polis dalam proses memanggil semua pemilik akaun Facebook yang terbabit untuk dirakam keterangan dan siasatan dijalankan oleh Unit

Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) JSJ Bukit Aman.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri turut menegaskan kebebasan media kekal di negara ini, tetapi tindakan mengganggu orang lain dengan melaga-melagakan satu kaum dengan kaum yang lain tidak boleh diterima dan wajar dikenakan tindakan.

Katanya, pada masa sama didapati ada beberapa kenyataan yang tidak bertanggungjawab kononnya pelancong bukan Islam tidak dibenarkan melawat masjid kerana akan membawa penyakit 2019-nCoV.

“Ini bukan dasar kerajaan menyekat pelancong bukan Islam daripada melawat kawasan masjid atau muzium.

“Tiada tempat yang tidak boleh dilawati oleh pelancong kerana kononnya mereka mungkin membawa coronavirus,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan meneruskan larangan kemasukan ke atas pelawat dari Wuhan dan Wilayah Hubei ke Malaysia, sama ada terbukti dijangkiti virus berkenaan ataupun tidak.

“Kalau mereka dari Wuhan dan Hubei, mereka tidak dibenarkan masuk Malaysia, tetapi pelawat dari tempat lain dibenarkan masuk,” katanya.

**Polis dalam proses memanggil semua pemilik akaun Facebook terbabit untuk dirakam keterangan dan siasatan dijalankan Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) JSJ Bukit Aman.**

**Huzir Mohamed,**  
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman